

Kempen Kibar Jalur Gemilang UMS-KAL

LABUAN: Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang telah melancarkan Kempen Kibar Jalur Gemilang sempena sambutan Hari Kebangsaan 2011 peringkat universiti itu, kelmarin.

Beliau menerima Jalur Gemilang daripada Pegawai Psikologi, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), Nur Iman Reedzal, pada Majlis Amanat Pengarah Kampus 2011 di Dewan Theatrette, UMS Labuan.

Shariff kemudiannya menyerahkan Jalur Gemilang kepada dekan dan ketua bahagian sebelum melekatkan bendera negara itu pada kenderaan rasmi universiti termasuk kereta pengarah, van dan bas serta motosikal pelajar di pekarangan bangunan menara UMS-KAL.

Turut hadir Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim, Timbalan Pendaftar, Kamisah Husin, Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) SSIL, Yuzren



ALBUM ... Shariff (tengah, baju Melayu) bersama warga UMS Labuan menyanyikan lagu-lagu patriotik sambil mengibarkan Jalur Gemilang sempena Kempen Kibar Jalur Gemilang 2011.

Yushak dan Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Dr Lim Kian Ping.

Shariff berharap semua warga UMS-KAL akan melekatkan Jalur Gemilang pada kenderaan, pejabat dan rumah masing-masing sebagai

tanda cinta dan sayangkan negara ini.

Katanya, sebagai kakitangan sebuah universiti awam, kita seharusnya menunjukkan cinta dan sayang kita kepada negara dengan mengibarkan Jalur Gemilang dan melekatkannya pada kenderaan, pejabat dan rumah sempena Hari Kebangsaan 2011, " katanya.

tahun ini.

"Sebagai kakitangan sebuah universiti awam, kita seharusnya menunjukkan cinta dan sayang kita kepada negara dengan mengibarkan Jalur Gemilang dan melekatkannya pada kenderaan, pejabat dan rumah sempena Hari Kebangsaan 2011," katanya.